



SIARAN MEDIA
MEDIA RELEASE

**INDEKS JUALAN RUNCIT
DAN
INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU KETIGA 2021**

*RETAIL SALES INDEX
AND
FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
THIRD QUARTER 2021*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam*



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS JUALAN RUNCIT DAN INDEKS PERKHIDMATAN MAKANAN & MINUMAN
SUKU KETIGA 2021**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Pada suku ketiga (Q3) 2021, prestasi Indeks Jualan Runcit (IJR) di Negara Brunei Darussalam telah menunjukkan penurunan tahun-ke-tahun sebanyak 5.2 peratus dengan nilai jualan runcit dianggarkan sebanyak BND386.8 juta. Manakala bagi Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (IPM&M) pula, ianya juga telah menurun sebanyak 12.3 peratus berbanding Q3 2020 dengan nilai hasil jualan dianggarkan sebanyak BND74.1 juta.
2. Bagi jualan runcit, hampir kesemua aktiviti runcit telah menunjukkan penurunan jualan, yang didorong terutamanya oleh jualan minyak kenderaan di Stesen-Stesen Minyak yang menurun sebanyak 20.9 peratus, diikuti dengan jualan Peralatan Perabot dan Rumah menurun sebanyak 19.5 peratus; jualan Tekstil, Pakaian dan Kasut (18.1 peratus); dan jualan di Gedung Serbaneka (2.5 peratus).
3. Manakala bagi perkhidmatan makanan & minuman, penurunan jualan adalah didorong oleh hasil jualan bagi Aktiviti Penyajian Minuman sebanyak 24.9 peratus, diikuti dengan Restoran sebanyak 17.4 peratus dan Kedai Makanan Segera (2.2 peratus). Ini adalah selaras dengan pengurangan aktiviti jualan berikutan kes tempatan baru jangkitan COVID-19 yang dikesan di negara ini pada 7hb., Ogos, 2021. Penurunan ini juga selaras dengan langkah-langkah pengawalan yang diperketatkan semula seperti tidak membenarkan penyajian makanan secara dine-in bagi restoran dan premis-premis makanan yang lain termasuk gerai.

4. Berbanding dengan suku kedua (Q2) 2021, IJR pada Q3 2021 telah menurun sebanyak 17.1 peratus, terutamanya disebabkan oleh penurunan jualan Tekstil, Pakaian dan Kasut sebanyak 60.5 peratus, diikuti dengan jualan Peralatan Perabot dan Rumah sebanyak 41.3 peratus; jualan Peralatan Elektrik dan Peralatan Pencahayaan Isi Rumah di kedai khusus (19.9 peratus); jualan di Stesen Minyak (19.3 peratus); dan jualan di Gedung Serbaneka (17.7 peratus).
5. Manakala bagi IPM&M pula, ianya telah mencatatkan penurunan sebanyak 19.1 peratus pada Q3 2021 berbanding Q2 2021 disebabkan oleh penurunan hasil jualan bagi Restoran sebanyak 22.4 peratus, diikuti dengan Kedai Makanan Segera sebanyak 15.4 peratus dan Aktiviti Penyajian Minuman (4.9 peratus).
6. Indeks Jualan Runcit (IJR) dan Indeks Perkhidmatan Makanan & Minuman (IPM&M) adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan memberikan gambaran tren perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi setiap suku tahunan. Laporan penuh bagi kedua-dua aktiviti boleh didapati melalui laman sesawang JPES: www.deps.gov.bn.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

RETAIL SALES INDEX AND FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX
THIRD QUARTER 2021

BRUNEI DARUSSALAM

- In the third quarter (Q3) 2021, the performance of the Retail Sales Index (RSI) in Brunei Darussalam showed a year-on-year decrease of 5.2 per cent with an estimated retail sales value of BND386.8 million. As for the Food & Beverages Services Index (F&BSI), it has also decreased by 12.3 per cent compared to Q3 2020 with an estimated sales revenue of BND74.1 million.*
- For retail sales, almost all retail activities have shown a decrease in sales driven mainly by the sales of petrol in Petrol Stations which decreased by 20.9 per cent, followed by sales of Furniture and Household Equipment which decreased by 19.5 per cent; sales of Textiles, Wearing Apparel and Footwear (18.1 per cent); and sales in Department Store (2.5 per cent).*
- As for food & beverages services, the decrease in sales was attributed to the decrease in sales revenue of Beverage Serving Activities (24.9 per cent), followed by Restaurants (17.4 per cent) and Fast-food Outlets (2.2 per cent). This was in line with lower sales activity following the new local cases of COVID-19 detected in the country on 7 August 2021. This decline was also in line with the reinstatement of control measures such as not allowing dine-in for restaurants and other food premises including stalls.*

4. *Compared to the second quarter (Q2) 2021, the RSI in Q3 2021 has recorded a decrease of 17.1 per cent mainly due to a decrease in sales of Textiles, Wearing Apparel and Footwear by 60.5 per cent, followed by sales of Furniture and Household Equipment by 41.3 per cent; sales of Electrical Household Appliances and Lighting Equipment in specialized stores (19.9 per cent); sales in Petrol Station (19.3 per cent); and sales in Department Store (17.7 per cent).*
5. *As for the F&BSI, it has recorded a decrease of 19.1 per cent in Q3 2021 compared to Q2 2021 mainly due to the decrease in sales revenue of Restaurants by 22.4 per cent, followed by Fast-food Outlets by 15.4 per cent and Beverage Serving Activities by 4.9 per cent.*
6. *Retail Sales Index (RSI) and Food & Beverages Services Index (F&BSI) are preliminary indicators of economic performance for both activities and provides an outlook for consumer spending trends in Brunei Darussalam on a quarterly basis. Full reports of both activities are available from DEPS's website: www.deps.gov.bn.*